

10 peratus dividen, 8 peratus bonus

\$163! lagi untuk pelabur ASN: PM

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

KUALA LUMPUR, Selasa — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini mengumumkan bayaran \$163 juta dalam bentuk dividen dan saham bonus kepada 1.4 juta pelabur Skim Amanah Saham Nasional (ASN) bagi pelaburan mereka sehingga 31 Disember 1983.

Daripada jumlah itu, \$92 juta dalam bentuk dividen sementara bakinya \$71 juta dalam bentuk unit bonus. Ini bermakna setiap pelabur menerima 10 peratus dividen dan lapan peratus unit bonus bagi pelaburannya di sepanjang tahun ini.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku pengerusi Yayasan Pelaburan Bumiputera berkata, pembahagian dividen dan pemberian unit percuma itu memberi pulangan 18 peratus kepada pelaburan Skim Amanah Saham Nasional bagi tahun 1983.

Dengan pulangan dividen dan bonus itu, tegas beliau dalam satu kenyataan, Skim Amanah Saham Nasional dapat memertahankan prestasinya dalam keadaan ekonomi sekarang.

Dividen bagi tahun ini adalah \$40.5 juta lebih dari jumlah \$31.5 juta yang dibayar tahun lalu, sementara bayaran unit percuma bertambah \$30 juta dari jumlah \$41 juta yang dikeluarkan dalam

1982.

Katanya, sejak Skim ASN dilancarkan pada April 1981, pelaburnya telah menikmati pulangan 28 peratus dividen dan unit percuma, melebihi \$168 juta bagi tempoh dua tahun.

Pulangan

"Dengan pulangan dividen dan bonus tahun ini berjumlah 18 peratus, pulangan terkumpul ialah 56 peratus dan bernilai \$331 juta," kata beliau.

Inilah tahun ketiga ASN mengeluarkan dividen dan unit bonus kepada para pelabur sejak dilancarkan 1981.

Pada tahun pertama untuk tempoh lapan bulan, pelabur ASN menerima \$83 juta dividen dan

unit bonus, iaitu \$41.5 juta atau 10 peratus dalam bentuk dividen dan satu unit percuma untuk setiap 10 unit dimiliki.

Tahun lalu, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam selaku pengerusi Jawatankuasa Penyelarasan Pelaburan mengumumkan bayaran 10 peratus dividen dan satu unit bonus bagi setiap 12.5 unit saham dimiliki.

Pembayaran itu menjadikan jumlahnya \$36.69 juta, iaitu \$57.64 juta dalam bentuk dividen dan \$41.05 juta dalam bentuk unit bonus.

Pengumuman Datuk Seri Dr Mahathir hari ini dengan sendirinya menghapuskan anggapan setengah-setengah pihak bahawa pelaburan ASN dalam Bank Bumiputra Malaysia Berhad (BMBB) akan terjejas berhubung skandal kewangan Bumiputra Malaysia Finance (BMF) di Hong Kong.

Tak jejas

Setakat Jun tahun ini, hanya 1.83 peratus saham Bank Bumiputra yang dilaburkan dalam ASN dan ini hanya dua peratus dari jumlah pelaburan skim ASN.

ASN dalam satu kenyataan baru-baru ini juga menegaskan bahawa pada dasarnya, perkara itu tidak menjejaskan kepercayaan ASN membahagikan jumlah dividen dan bonus pada kadar yang berpatutan di masa-masa akan datang.

Sehingga 30 September, Skim ASN mewujudkan 1,050 juta unit saham dan dari jumlah itu, hampir 1,000 juta dimiliki oleh lebih 1,377 juta orang Bumiputera yang layak.

Bagi tahun ini pula, jumlah pelaburan yang dikutip oleh Skim ASN mengatasi matlamat yang dijangkakan bagi 1983.